

Malwarebytes' Anti-Malware



Tips & Tricks

Malwarebytes' Anti-Malware is an anti-malware application that can thoroughly remove even the most advanced malware. It includes a number of features, including a built in protection monitor that blocks malicious processes before they even start.

License: Freeware
Operating System: Windows 2000/XP/Vista

Download Here:
<http://www.malwarebytes.org/mbam.php>

Threat Removal Procedure:

1. Download Malwarebytes' Anti-Malware (mbam-setup.exe) and save it on your Desktop.
2. After downloading, double-click on mbam-setup.exe to install the application.
3. Follow the prompts and install as "default" only
4. Before the installation completes, check on the following prompts:

- * Update Malwarebytes' Anti-Malware
- * Launch Malwarebytes' Anti-Malware

5. Click "Finish." Program will run automatically and you will be prompt to update the program before doing a scan. Please update!!
6. Scan your computer thoroughly.
7. When scanning is finished click on the "Show Results"
8. Make sure that all detected threats are marked, click on Remove Selected.
9. Restart your computer.



Kamus IT

- ❖ **Virtual** - Maya.
- ❖ **Thumbnail** - Gambar yang dikecilkan saiznya supaya mudah diurus dan dikenalpasti.
- ❖ **Distro** - Pengeluar atau penghasil pakej perisian (Linux).
- ❖ **Taskbar** - Dalam perkomputeran, bar tugasan adalah istilah bagi bar desktop aplikasi yang digunakan bagi melancarkan serta memantau aplikasi di dalam Microsoft Windows 95 dan versi lebih kemudian. Persekutuan pengendalian yang lain juga ada kalanya menampilkan unsur antarafikma yang serupa.
- ❖ **Hover** - Meletakkan kursor ke atas sesuatu dengan menggunakan tetikus.
- ❖ **Gadget** - Peralatan teknologi bersaiz kecil yang mempunyai fungsi tertentu.
- ❖ **Burn** - Memasukkan kandungan ke dalam CD/DVD.
- ❖ **Bluetooth** - Teknologi tanpa wayar yang menghubungkan di antara dua peranti.
- ❖ **Switch** - Peralatan yang menghubungkan segmen-segmen di dalam rangkaian.
- ❖ **Router** - Sejenis peralatan komputer yang berfungsi untuk menghalakan paket-paket data dalam rangkaian.
- ❖ **Firewall** - Peralatan atau perisian yang ditetapkan untuk memberikan, menghalang atau menyulitkan segala trafik komputer bagi tujuan keselamatan.

Sidang Pengarang

Ketua Editor

Mohamed Amir Husaini Bin Abdul Hamid

Ahli

Azura Binti Muhamad Marican
Mazlifendirizan Bin Md. Rejab
Shahrul Ismi Bin Mohd. Akhir
Junaaidah Binti Jaapar
Mohd. Salludin Bin Mohd. Salleh
Norshida Binti Hasan
Norzalia Binti Mat Isa

Senireka & Grafik

Mohd. Kamal Bin Mohd. Noordin



BIL. 3 / 2008

http://ppkt.eng.usm.my

Pemindahan Talian Data TMNet

20 September 2008 – Talian data TMNet telah dipindahkan dari Bangunan Pentadbiran ke PPKT. Kerja pemindahan telah dilakukan oleh staf teknikal TM dan staf PPKT. Pemindahan ini dilakukan bagi memudahkan staf PPKT melakukan pemeriksaan dan penyelenggaraan ke atas talian data serta peralatan rangkaian seperti router dan firewall.

Penggunaan Talian 34Mbps JARING

26 September 2008 – Talian 34Mbps JARING telah beroperasi sepenuhnya. Talian ini digunakan bagi capaian data antara kampus serta menghubungkan semua server dan pengguna di PTJ ke internet. Pengguna di PTJ akan berkongsi jalur lebar yang lebih besar iaitu 155Mbps dengan pengguna internet di Kampus Indah dan Kampus Kesihatan. Selain itu, talian ini juga menghubungkan terus rangkaian USMNet ke rangkaian MyREN tanpa melalui internet. Sehubungan itu, pengguna di desasiswa akan menggunakan sepenuhnya talian 16Mbps TMNet untuk ke internet.

Projek Menaiktaraf Rangkaian Kampus Kejuruteraan

24 November 2008 – Satu kick-off meeting bagi projek menaiktaraf rangkaian telah diadakan di Bilik Mesyuarat PPKT Kampus Kejuruteraan. Mesyuarat ini bertujuan membincangkan perancangan yang akan dilakukan bagi projek menaiktaraf rangkaian yang dijangka bermula pada Disember 2008 hingga Januari 2009. Mesyuarat ini dihadiri oleh penender yang berjaya iaitu CD Integrated dan staf PPKT.

BENGKEL SEE IT FEEL IT DO IT 2008



18 November 2008 - Bengkel See IT Feel IT Do IT telah berlangsung di PPKT Kampus Kejuruteraan anjuran Bahagian Perkhidmatan Korporat dengan kerjasama Kelab PPKT. Bengkel ini menyasarkan peserta dalam kalangan pelajar yang berusia lingkungan 13 hingga 15 tahun dan bersekolah di sekitar Nibong Tebal, Parit Buntar dan Bandar Baharu. Objektif bengkel ini adalah untuk merealisasikan agenda memasyarakat universiti khususnya Universiti Sains Malaysia(Kampus Kejuruteraan) dengan masyarakat persekutuan amnya melalui program-program berkaitan ICT di samping melahirkan generasi



muda yang berpengetahuan dan tahu akan kepentingan ICT yang kini telah menjadi sebahagian dari kehidupan sehari-hari.

Bengkel yang telah disertai seramai 40 peserta ini dirasmikan oleh Timbalan Pegawai Maklumat PPKT, Tn Hj Fadzil Saidin bertempat di Auditorium Kampus Kejuruteraan. Seterusnya peserta dibawa ke Makmal Pengajaran dan Makmal Multimedia untuk aktiviti pemasangan peralkaan komputer dan sesi penghasilan emel & blog. Sesi terakhir untuk pagi itu adalah acara berbasas pantun dan seloka yang dipanggil 'Goreng Pisang Maya' secara telesidang. Acara diteruskan pada sebelah petang dengan aktiviti Explore IT ala treasure hunt yang menguji kefahaman peserta dalam pengetahuan ICT terkini. Aktiviti kemuncak ini berlangsung dengan kerjasama semua warga staf PPKT dan menerima respons yang sangat menggalakkan dari semua peserta.



Bengkel yang memakan masa sepanjang dua hari ini diakhiri dengan acara penyampaian hadiah yang disempurnakan oleh Tn Hj Fadzil Saidin bertempat di Makmal Pengajaran iaitu lokasi terakhir Explore IT. Secara keseluruhan, bengkel ini telah dikendalikan dengan jayanya dan para peserta pulang dengan dengan satu pengalaman baru yang tidak akan dilupakan.

Pemasangan AP di Desasiswa

Oktober 2008 – PPKT telah menjalankan projek pemasangan Access Point (AP) untuk sambungan tanpa wayar di keduanya /Desasiswa Jaya dan Lembaran. Tujuan pemasangan Access Point ini ialah untuk meningkatkan capaian rangkaian tanpa wayar di keseluruhan desasiswa. Sebanyak 21 Access Point telah berjaya dipasang di setiap tingkat blok desasiswa yang melibatkan kos hampir RM 200,000.00. Kerja-kerja menaiktaraf sistem rangkaian tanpa wayar ini telah memakan masa selama tiga minggu untuk beroperasi sepenuhnya. Pelajar boleh menggunakan kemudahan 'wireless' ini secara percuma dengan membuat pendaftaran di kaunter servisdesk@PPKT.



Penutupan Makmal Komputer Umum PPKT

Berkatkuasa 1 Disember 2008 kemudahan Makmal Komputer Umum di PPKT yang digunakan oleh kebanyakan pelajar akan datamakan. Walau bagaimana pun perkhemahan komputer masih boleh didapati di Perpustakaan. Makmal Komputer Umum PPKT ini akan dipindahkan ke Perpustakaan atas persetujuan bersama memandangkan tempoh masa perkhemahan yang disediakan oleh Perpustakaan lebih lama dan fleksibel.



2009

APEX

KALENDAR AKADEMIK 2008/2009
7 JULAI 2008 - 5 JULAI 2009

S	M	T	W	T	F	S
1	2	3	4	5	6	7
8	9	10	11	12	13	14
15	16	17	18	19	20	21
22	23	24	25	26	27	28
29	30	31				

SEMESTER PERTAMA : 07/07/08 - 23/11/08
Cuti Raya : 24/08/08 - 04/09/08
Cuti Sekolah : 25/08/08 - 05/09/08
Perpeksikan : 05/11/08 - 22/11/08

CUTI ANTARA SEMESTER : 23/11/08 - 21/12/08

SEMESTER KEDUA : 22/12/08 - 02/05/09
Cuti Raya : 23/01/09 - 02/02/09
Cuti Sekolah : 13/04/09 - 02/05/09

CUTI PANJANG : 03/05/09 - 05/07/09

KALENDAR AKADEMIK 2008/2009
1 JANUARI 2009 - 31 DESEMBER 2009

S	M	T	W	T	F	S
1	2	3	4	5	6	7
8	9	10	11	12	13	14
15	16	17	18	19	20	21
22	23	24	25	26	27	28
29	30	31				

SEMESTER PERTAMA : 01/01/09 - 23/05/09
Cuti Raya : 24/01/09 - 01/02/09
Cuti Sekolah : 13/04/09 - 02/05/09

CUTI PANJANG : 03/05/09 - 05/07/09

KALENDAR AKADEMIK 2008/2009
1 JANUARI 2010 - 31 DESEMBER 2010

S	M	T	W	T	F	S
1	2	3	4	5	6	7
8	9	10	11	12	13	14
15	16	17	18	19	20	21
22	23	24	25	26	27	28
29	30	31				

SEMESTER KEDUA : 22/12/09 - 02/05/10
Cuti Raya : 23/01/10 - 02/02/10
Cuti Sekolah : 13/04/10 - 02/05/10

CUTI PANJANG : 03/05/10 - 05/07/10

KALENDAR AKADEMIK 2008/2009
1 JANUARI 2011 - 31 DESEMBER 2011

S	M	T	W	T	F	S
1	2	3	4	5	6	7
8	9	10	11	12	13	14
15	16	17	18	19	20	21
22	23	24	25	26	27	28
29	30	31				

SEMESTER PERTAMA : 01/01/10 - 23/05/10
Cuti Raya : 24/01/10 - 01/02/10
Cuti Sekolah : 13/04/10 - 02/05/10

CUTI PANJANG : 03/05/10 - 05/07/10

KALENDAR AKADEMIK 2008/2009
1 JANUARI 2012 - 31 DESEMBER 2012

S	M	T	W	T	F	S
1	2	3	4	5	6	7
8	9	10	11	12	13	14
15	16	17	18	19	20	21
22	23	24	25	26	27	28
29	30	31				

SEMESTER KEDUA : 22/12/10 - 02/05/11
Cuti Raya : 23/01/11 - 01/02/11
Cuti Sekolah : 13/04/11 - 02/05/11

CUTI PANJANG : 03/05/11 - 22/07/11

IT semakin berkembang.....

Dahulu kita sering berbicara tentang IT (Information Technology), kemudian kita naik satu tangga berbicara pula tentang ICT (Information Communication Technology). Terkini kita tidak lagi berbicara sekadar IT & ICT, tetapi ia telah berkembang menjadi KCT (Knowledge Communication Technology).

Teknologi maklumat atau pun sering disebut IT ini semakin luas skopnya kerana kita tidak berbicara tentang teknologi maklumat semata-mata tetapi bagaimana ia dikomunikasikan. Maklumat yang disampaikan itu pula kini bukan sekadar maklumat tetapi haruslah bermatlamat melangkah setapak lagi untuk memberikan pengetahuan.

Akan sampai masanya nanti 100% kita tidak perlu lagi bersusah payah untuk berjalan kaki dan beratur berjam-jam.

Ini memberi gambaran kepada kita bahawa bidang yang pada asalnya disebut sebagai sains komputer ini tidak berlebar di sekitar PC sahaja. Ia seolah-olah sedang menunggu masa untuk meledak dan keluar dari kepompong yang terbatas itu. Pada masa kini tidak lengkap kalau hanya ada PC tetapi tiada internet. Melalui internet, ledakan itu dapatlah diluahkan dan menjadikan pengetahuan itu sesuai yang bermakna. Ini menunjukkan maklumat itu tiada faedahnya jika tidak dikongsikan. Justeru tiada istilah kedekut ilmu dalam dunia virtual ini. Bagaimana maklumat itu hendak dikongsikan, terserahlah. Ada yang menjadikan perkongsian maklumat tersebut sebagai barang dagangan. Tidak kurang juga yang bermurah hati berkongsi secara percuma, cukup sekadar apabila mengetahui maklumat yang dikongsikan itu mendapat perhatian dan menerima pandangan atau komen yang membina atau pun menyakitkan hati.

Pergilah ke mana sahaja, kita akan dapat merasai ledakan ini. Mereka yang tanpa maklumat dan pengetahuan akan jauh di belakang. Akan sampai masanya nanti 100% kita tidak perlu lagi bersusah payah untuk berjalan kaki dan beratur berjam-jam. Tiada lagi kaunter-kaunter fizikal untuk membuat urusan, tetapi semuanya dimayakan secara dalam talian. Kita nampaknya sedang



HARI KELERASAN AM TAHUN 2009 BAGI NEGERI PUJUH PINANG

HARI KELERASAN AM (PERSEKUTUAN)		CATATAN	
Tahun Baru Cina (2 hari)	- 26 Januari (Isrin) 27 Januari (Selasa)	Hari Raya Puasa (2 hari) (*)	- 20 September (Ahad) 21 September (Selasa)
Hari Keperibadian Nabi Muhammad (S.A.W)	- 9 Mac (Isrin)	Hari Dasawali (*)	- 1 Oktober (Sabtu)
Hari Pekerja	- 1 Mei (Jumat)	Hari Raya Qurban (*)	- 27 November (Jumaat)
Hari Waisak	- 9 Mei (Sabtu)	Awal Muhamarr (Masl Hijrah)	- 16 Disember (Jumat)
Hari Kemerdekaan Sar Paduka Baginda Yang Di Pertuan Agong	- 6 Jun (Sabtu)	Hari Krisnas	- 25 Disember (Jumat)
Hari Keberkesaan	- 31 Ogos (Inin)		

HARI KELERASAN AM (NEGERI)		CATATAN	
Tahun Baru 2009	- 1 Januari (Khamis) (*)		Tertakluk kepada perubahan
Hari Thaibulul	- 8 Februari (Khamis)		
Hari Jadi Yang di Pertua Negeri Pulau Pinang	- 11 Julai (Sabtu)		
Hari Huzur At-Qur'an	- 7 September (Inin)		

ke arah itu. Walaupun belum sepenuhnya diamalkan, tetapi peningkatan penggunaan internet di dunia adalah sesuatu yang telah dijangkakan.

Sayugia diingatkan perkembangan yang berlaku harus seiring dengan etika dan batas-batas yang tertentu. Tidak dapat dinafikan perkembangan teknologi haruslah bertunjungkan ad-deen atau cara hidup yang sebenar. Jika ini diabaikan, maka nilai kemanusiaan bakal hilang hanya dengan sebutir kekunci 'Enter'. Tanpa perlu bersusah payah sempadan itu begitu mudah untuk dilenyapkan. Hanya dengan menekan 'Enter' sudah boleh melihat kemaksiatan, hatta dunia juga boleh dimusnahkan.

Jamuan Hari Raya PPKT

17 Oktober 2008 – Jamuan hari raya PPKT yang diadakan di Dewan Banquet disambut dengan begitu meriah kerana semua staf bersama ahli keluarga masing-masing dapat meluangkan masa untuk memeriahkan program ini. PPKT meneruskan tradisi dengan memasak sendiri hidangan untuk malam tersebut yang bertujuan menanamkan semangat gotong-royong dan bantu-membantu dalam kalangan staf. Acara menarik disediakan seperti anugerah pakaian tercinta, lelaki dan perempuan dewasa serta kanak-kanak, sambutan hari lahir staf dan pemberian duit raya kepada anak-anak staf. Majlis lebih meriah lagi dengan kehadiran bekas staf PPKT samada yang berpindah tempat kerja dan telah berpencen. Majlis diakhiri dengan acara bergambar beramai-ramai staf PPKT berserta keluarga.

**Kursus ICT**

Disember 2008 - Kursus ICT bagi bulan November dan Disember telah diadakan bermula pada 19 November sehingga 12 Disember 2008. Sebanyak empat kursus telah diadakan iaitu Ms Power Point (Lanjutan), Ms Excel (Pertengahan), Keselamatan ICT dan Kursus Ms Word (Lanjutan) bertempat di Makmal Multimedia, PPKT, Kampus Kejuruteraan. Kursus ini telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan terutama dalam kalangan staf pengurusan profesional dan sokongan.

**Definisi**

Sumber Terbuka = Konsep keterbukaan dalam pembangunan perisian.

Linux & Ubuntu = Bayangkan Linux adalah rumah dan Ubuntu adalah bilik. Kemudian anda akan berada dilandasan yang betul untuk memahami kedua-duanya.

Ubuntu = Sistem Operasi komputer seperti Windows (keluaran Microsoft), Mac OSX, Redhat, Fedora dan sebagainya.

**7.Pilih lokasi;****Install Ubuntu**

Untuk menggunakan sistem operasi ubuntu dalam komputer, seseorang perlu mendapatkan CD nya terlebih dahulu yang boleh didapati secara percuma dengan membuat pesanan di laman web berikut : <https://shipit.ubuntu.com/>
1.Muat turun(download) ubuntu .iso image file daripada website ubuntu (<http://www.ubuntu.com/getubuntu/download>) yang menepati jenis prosessor komputer yang digunakan.(i386 atau amd64)

2.Burn .iso file yang dimuaturun dalam bentuk cd image menggunakan software burner seperti Nero,dan seumpamanya. (Kelajuan yang dicadang adalah 8x)

3.Masukkan cd yang telah di-burn itu tadi ke dalam cd/dvd room dan mulakan semula komputer.

4.Selaras komputer dimulakan semula, biarkan komputer load untuk masuk ke laman "live CD" bagi Ubuntu dan bersedia untuk install. Anda akan masuk ke laman seperti dibawah ini;



5.Untuk meng-install ubuntu ke dalam komputer, anda perlu klik dua kali pada ikon *install* pada desktop seperti gambar di atas ini.


Kemudian bersediahlah untuk proses setting komputer!

Proses setting komputer:

6.Pilih bahasa;


8.Memilih format papan keyboard;**9. Pembahagian hard disk atau Hard disk Partitioning :**

Untuk dual boot dengan sistem operasi(OS) lain, anda perlu memilih Pilihan pertama iaitu *Guided - IDE1*. Tentukan berapakah ruang (space) yang ingin anda peruntukkan untuk Ubuntu.(Minimun=4GB)
Lebih besar adalah lebih baik. 10GB ke atas dicadangkan.


**10.Masukkan data anda;**

***AWAS-LANGKAH KE-9 INI ADALAH SANGAT PENTING.BACA BERHATI-HATI ATAU SEMUA DATA ANDA DALAM WINDOWS AKAN LENYAP!

10.Masukkan data anda;
Untuk ruangan *password*, pilihan katalaluan yang senang diingati dicadangkan. Ini kerana, apabila menggunakan ubuntu, anda perlu memasukkan katalaluan ini setiap kali untuk *install* sesuatu perisian.

**11.Bersediah untuk install;****12.Installing...**

13.Setelah proses tersebut selesai, mulakan semula komputer untuk merasai dunia sumber terbuka.

**14.Selamat datang kepada dunia Ubuntu! Selamat mencuba.**

Dipetik dari <http://melayubuntu.blogspot.com/>

(Gambar di atas menunjukkan pilihan kedua iaitu *use entire disk* sedang terpilih.Jika anda ingin dual-boot, buatlah pilihan pertama)

Create and manage a strong password



The days of using simple words or single character or a blank as a password are gone. Today, easy passwords can be cracked or guessed within minutes. Since the information on your computer is precious, you need to protect it as much as you can. This guide is to help you create solid passwords that will be a roadblock for intruders who are trying to break-into your computer.

Length – The number of characters for your password is very important. The recommended number of characters is at least 8 characters. The reason is that a 3-character password such as 'abc' can easily be guessed by an intruder faster than a 8-character password. A 15-character password composed only of random letters and numbers is about 33,000 times stronger than an 8-character password composed of characters from the entire keyboard.

Strength – The strength of a password refers to the complexity of the password. In other words, can any one guess what your password is. For example, if your computer account is Krishnakumar and your password is krishnakumar or KrishnaKumar, an intruder can easily try and succeed in logging into your computer. To strengthen your password, the recommendation is to use a mix of special characters, numbers, and the alphabet. Special characters are !@#\$%^&*()+=. Here are a few examples of stronger passwords
Eg: O!Mygod, H31pme

Do NOT use Common name with numbers and symbols merely substituting for similar looking alphabetic characters.
Eg: R@mesh, P@ssw0rd, R3liance,
But you can use like this in sentences

Dari meja Timbalan CIO PPKT Kejuruteraan

HARAPAN banyak pihak untuk secara rasmi di mana-mana artikel dan meraih kegemilangan institusi pengajaran tinggi (IPT) negara dalam pengukuran bertaraf antarabangsa sekali lagi banyak tertumpu kepada Universiti Sains Malaysia. Apakah kita mampu merealisasikan harapan tersebut, atau akan menjadi bahan ejekan semata-mata? Bebanan yang dipikul oleh semua pihak terutamanya golongan akademik di universiti ini amat berat sekiranya tidak dibantu oleh entiti sokongan lain seperti PPKT dan sebagainya. Kita tetap ada peranan.

Tahun 2009 dan seterusnya merupakan tahun-tahun yang amat penting bagi USM untuk membuktikan bahawa pengiktirafan dan kepercayaan kerajaan kepada USM adalah berbaloi. Sebagai agensi yang bertanggungjawab menguruskan nadi dan menghubungkan jangkauan dunia tanpa sempadan ini, PPKT mempunyai tanggungjawab besar untuk memastikan para akademik dan pentadbir di USM dapat menjalankan amanah mereka tanpa sebarang masalah. Kita tidak mau kegagalan mencapai tahap pencapaian tertinggi enam bintang atau terbilang atau bertaraf dunia bagi persepsi Universiti Terbaik Keseluruhan dituduh kepada ke gagalan PPKT menjalankan tanggungjawabnya.

Tahun 2008, USM meraikan kejayaan demi kejayaan dalam dunia pendidikan dan penyelidikan. Kampus Kejuruteraan amat berbangga dengan pencapaian terbanyak melalui bidang penyelidikan yang memenangi banyak pingat di peringkat antarabangsa berbanding dengan kampus-kampus lain. Kejayaan paling manis adalah apabila USM dipilih sebagai satu-satunya universiti tempatan yang berpotensi untuk berada di antara 50 universiti terbaik di dunia dalam jangka masa 10 tahun akan datang. Walaupun tidak pernah dinyatakan

Do NOT make your password a dictionary word
Keywords – Most people are familiar with creating simple temporary passwords for new employees or for other trusted people with the intent on allowing them to change the password at a later time. Passwords like abc123 and 567fgh were commonly used. Now, you should break this habit. These passwords are almost like not having a password because intruders have programmed these words into their software to guess your password. The recommended practice is to assign a strong password from the beginning so that the new employee or trusted colleague will also follow your lead.

Do NOT use 123, 456, 555, 007, ABC, XYZ, XXX ,ASDF, Year of birth, phone number with your name /username Eg: Ramesh007, Ramesh 1980

IMPORTANT - The above password has only been shared as a technique for crafting a strong but easy to remember password. You should NOT use like*5 as your own password nor should you use any sample password shared in any other password guide. Prospective intruders often review password guides when compiling their lists of passwords to try.

Change it regularly
Remember to change your password regularly. This practice limits the amount of time that someone can use to guess your password and the amount of time that your password can be used if it is uncovered. Change passwords at least once in a month.

Password strategies to avoid
Do not use username as password
Do not use personal information.
Do not use real words
Do not dictionary word with numbers

Use following link to check of your password
<http://www.microsoft.com/protect/yourself/password/checker.mspx>
lates.blogspot.com

5. **Kemudahan terbaik.** Universiti Apex harus menikmati kemudahan terbaik yang mempertingkat proses pengajaran dan pembelajaran serta penyelidikan dan pembangunan."

Semua usaha terbabit bukanlah proses yang mudah, namun transformasi itu mestilah direalisasikan dengan sepenuh keazaman, kegigihan, keikhlasan serta pengorbanan. Penjanjana modal insan berkualiti tinggi dengan mentaliti kelas pertama sebagaimana ditekankan Perdana Menteri, bukanlah mustahil direalisasikan.

Transformasi ini mempunyai hala tuju dan matlamat yang amat jelas membabitkan empat fasa pembangunan dari 2007 hingga 2020, sasaran kuantitatif dan kualitatif, serta langkah mencapainya. Fasa pertama ialah membina asas (2007-2010), kedua pengukuhan dan peningkatan (2011-2015), ketiga kecemerlangan (2016-2020) dan keempat keterbilangan serta mempertahankan kejayaan.

Perkara ini digarisbawahi dengan sangat teliti dan terperinci merangkumi empat peringkat, iaitu individu, institusi, nasional serta antarabangsa.

Pelaksanaan tujuh teras strategik digarisbawahi dalam Pelan Strategik Pendidikan Tinggi Negara dibahagikan kepada 13 projek, iaitu apex, autonomi - pentadbiran, audit, kepimpinan, pembelajaran sepanjang hayat, Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional, IPTS, akademia, pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan dan pembangunan, Skim Latihan Graduan, MyBrain15, serta pengantarabangsaan.

Bayangan kanlah cabaran 2009 yang bakal menjelma tidak lama lagi, tukup dada tanya minda. Bersediakah kita?

Tazkirah

Kelab PPKT telah mengadakan 4 siri tazkirah sepanjang bulan September hingga Disember 2008. Tujuan tazkirah ini adalah sebagai salah satu sesi pembangunan diri ke arah mewujudkan budaya kerja yang cemerlang. Program ini telah diadakan pada tiap-tiap awal bulan samada pada hari Isnin atau Khamis. Di antara penceramah yang dijemput ialah:

- 4 September
■ Ustaz Wan Hizam
(Penceramah Bebas)
■ Aduhai Ramadhan
- 9 Oktober
■ Ustaz Mohd Najib Bashir
(PBT Kejuruteraan)
■ Kelebihan Syawal
- 6 November
■ Ustazah Rohayati Daud
(Pusat Islam Induk)
■ Membina Keluarga Bahagia
- 1 Disember
■ Pak Wan Khir (Sekretariat Warga Sejahtera)
■ Pembangunan Diri dan Kerja



Menariknya tazkirah ini turut disiarkan secara langsung melalui telesidang di ketiga-tiga kampus.

Lawatan Kerja sahabatPPKT

28 November 2008 – Satu lawatan kerja sahabatPPKT telah diadakan oleh PPKT dalam usaha untuk mempromosikan produk dan perkhidmatan yang disediakan oleh PPKT kepada semua warga kampus. Hasil lawatan kerja ini sahabatPPKT diharap dapat menjadi duta PPKT di PTJ masing-masing. Program separuh hari ini dimulakan dengan persembahan video korporat PPKT, lawatan ke kaunter servisdesk@PPKT, bilik switch dan router, bilik server kad pintar dan server farm. Lawatan kerja ini diakhiri dengan sesi dialog yang turut disertai oleh Timbalan CIO PPKT. Jamuan ringan disediakan sebagai tanda terima kasih.



Hari Keluarga PPKT 2008 @ Langkawi

Ke hutan sudah, ke pantai sudah, ke tanah tinggi sudah, tahun ini, PPKT melangkah lebih jauh lagi iaitu ke Pulau Langkawi, Pulau Langkawi. Bertempat di pulau warisan Mahsuri itu, Hari Keluarga PPKT 2008 yang merupakan acara tahunan Kelab PPKT ini disambut dengan cara yang berbeza. Pada 1 November 2008, program bermula dengan rombongan seramai 60 orang merangkumi ahli Kelab PPKT dan ahli keluarga masing-masing bertolak ke Jeti Kuala Perlis seawal jam 7.15 pagi. Perjalanan diteruskan dengan feri Coral Island 3 menuju ke Jeti Kuah, Langkawi. Setelah mengharungi perjalanan di darat dan di air, peserta rombongan menaiki bas menuju ke Pantai Cenang untuk bermalam di Best Star Resort.



Pelbagai aktiviti diadakan seperti lawatan ke Underwater World dan perusahaan gamat serta menaiki kereta kabel di Gunung Mat Cincang. Tidak dilupakan acara kemuncak iaitu majlis BBQ yang diadakan dengan begitu meriah dan diselitkan permainan seperti memecahkan belon, mencari coklat, meneka biji betik, musical chair dan bola beracuan. Acara ini berjaya mencari bakat terpendam ahli keluarga PPKT dari segi kebolehan mengacara, menyanyi, berlawak dan sebagainya di samping dapat merapatkan lagi hubungan sesama ahli kelab PPKT dan keluarga.



Rombongan Kelab PPKT pulang pada 2 November 2008 selepas membeli-belah di sekitar Pekan Kuah. Disebabkan aktiviti yang padat, tempoh masa dua hari di Langkawi bagaikan tidak terasa. Namun begitu, masing-masing pulang dengan perasaan gembira dan berharap mempunyai kesempatan lagi menjelajah ke pulau yang dijelaskan 'The Jewel of Kedah' ini.

Pertandingan Mencipta Laman Web Rasmi Kampus Kejuruteraan USM

Satu pertandingan mencipta laman web rasmi Kampus Kejuruteraan, USM telah diadakan bermula pada 1 Ogos 2008 sehingga 11 September 2008. Pertandingan ini bertujuan untuk mencungkil bakat dan idea kreatif pelajar di Kampus Kejuruteraan dalam membangunkan antarafmuka laman web. Pertandingan ini terbuka kepada semua pelajar sepenull masa Kampus Kejuruteraan, USM dan sambutan yang diterima adalah amat menggalakkan. Setelah penjurian dibuat oleh panel penilai di peringkat PPKT, tiga pemenang layak dinobatkan sebagai pemenang pertama, kedua dan ketiga dengan menerima hadiah berupa wang tunai RM500, RM300 dan RM200 masing-masing.

Senarai pemenang adalah seperti berikut:

- ① Mohamad Ruzaini Ahmad Montaha, PPK Mekanik
- ② Muhammad Takiuddin Hj Moktar Yassin, PPK Aeroangkasa
- ③ Vigren A/L V.Radha, PPK Mekanik

Hadiyah telah disampaikan di PPKT seminggu sebelum sambutan Aidilfitri. Rekabentuk laman web pemenang pertama iaitu hasil kreatif saudara Mohamad Ruzaini Ahmad Montaha akan dipertimbangkan untuk menjadi asas kepada penghasilan antarafmuka laman web rasmi Kampus Kejuruteraan yang baru kelak. Syabas kepada semua pemenang!



PENGUMUMAN

Moodle telah dinaiktaraf ke versi 1.9.3 pada bulan September 2008 yang lalu. Untuk capaian ke Moodle, bolehlah melayari <http://moodle.eng.usm.my/>. Kepada mereka yang ingin mengetahui lebih lanjut tentang perkhidmatan ini, sila hubungi Cik Azura di talian 5303 atau email zura@eng.usm.my.

Produk & Perkhidmatan PPKT



Perisian Berlesen Secara Online

PPKT menyediakan kemudahan secara *online* kepada para pelajar dan staf tanpa perlu mereka melangkah kaki ke PPKT untuk mendapatkan perisian berlesen untuk kegunaan pembelajaran seperti Matlab, Solidworks, Visual C++, Visual Basic dan Borland C++ . Semua perisian tersebut boleh dicapai di url berikut:
<http://powervault.eng.usm.my/installer>



Planner Online

Planner Online merupakan produk terkini yang dihasilkan oleh PPKT Kampus Kejuruteraan. Dengan bercirikan kalendar, pengguna boleh memasukkan aktiviti serta tarikh-tarikh penting yang berlaku di PTJ masing-masing.

Antara kemudahan yang disediakan ialah maklumat aktiviti, hari kelepasan am, tarikh gaji, tarikh staf menghadiri program myCPD, hari lahir, dan senarai staf bercuti.

Dengan menggunakan antarafuka yang mesra pengguna serta paparan yang boleh disesuaikan mengikut harian, bulanan dan tahunan; produk ini mampu memudahkan urusan pentadbiran sesebuah PTJ.



Sistem Kehadiran Online

Sistem Kehadiran Online sedang diuji dan diguna pakai di beberapa buah PTJ Kampus Kejuruteraan sememangnya pertengahan tahun 2008. Antara yang menggunakan sistem ini ialah PPKT, Pusat Pengajian Kejuruteraan Elektrik & Elektronik, Pusat Pengajian Kejuruteraan Mekanik & Pusat Pengajian Kejuruteraan Aeroangkasa. Staf boleh melihat rekod kehadiran individu secara harian dan bulanan serta memasukkan alasan sekiranya melakukan kesalahan berkaitan

Kemudahan mengecilkan saiz gambar



Gambar yang diambil menggunakan kamera digital lazimnya mempunyai saiz yang besar. Lebih tinggi nilai "Megapixel" yang tertera pada kamera tersebut, maka lebih besar saiz fail yang digunakan.


Apabila gambar ini hendak dihantar kepada seseorang melalui emel, seringkali emel tidak sampai kepada penerima disebabkan kuota penghantaran yang terhad. Begitu juga gambar-gambar yang ingin dimuatkan di dalam laman web atau blog memerlukan saiz yang lebih kecil untuk memudahkan proses paparan atau muat turun.

Kebiasaannya proses mengecilkan saiz imej memerlukan perisian grafik seperti Adobe Photoshop, Paint dan sebagainya. Bagaimana pun, ia agak mahal dan tidak mudah digunakan.

Ruang Tip & Trick kali ini akan berkongsikan maklumat perisian yang dinamakan ImageResizer yang boleh dipindah turun secara percuma dari laman web Microsoft :

<http://download.microsoft.com/download/whistler/Install/2/WXP/EN-US/ImageResizerPowertoSetup.exe>

Selepas pemasangan perisian ini, anda akan mendapat terdapat tambahan "Resize Pictures" pada paparan klik kanan.



Selepas menu ini dipilih, satu menu lain akan dipaparkan seperti berikut :



Gambar akan disaizkan semula mengikut pilihan saiz yang andakehendaki. Sudah pasti saiznya jauh lebih kecil dari saiz asalnya dan mudahnya untuk anda menggunakan dalam emel, laman web mahu pun blog.

kehadiran manakala penyelia boleh memantau kehadiran staf di bawah seliaannya serta meluluskan alasan. Pihak pentadbiran pula dibenarkan untuk melihat statistik dan laporan kehadiran bagi seluruh staf di PTJ berkenaan.

Sistem ini boleh dicapai dengan melayari Portal Kampus Sejahtera, healthycampus.usm.my di bawah menu "Application".

Pengguna sistem ini perlu menggunakan *reader* jenis "Modular" yang dipasang di setiap PTJ. Proses merakam masuk dan keluar dilakukan pada *reader* yang sama dengan status "IN" atau "OUT" dipaparkan pada skrin. Untuk mengelakkan kekeliruan pada pengguna semasa merakam masuk dan keluar, *reader* akan berbunyi "beep" sekali menandakan status "IN" dan berbunyi dua kali menandakan status "OUT".

Kepada PTJ yang berminat menggunakan sistem yang dinyatakan tadi, sila berhubung dengan Bahagian Aplikasi, PPKT Kampus Kejuruteraan untuk keterangan lanjut.




S ejak Windows 7 diperkenalkan oleh pihak Microsoft pada Professional Developers Conference (PDC) 2008 baru-baru ini, pelbagai pihak telah mula memperkatakan mengenainya, dan sesetengah orang bertuah dapat peluang mencubanya terlebih dahulu sebelum Windows 7 dikeluarkan secara rasmi pada awal tahun 2010.



Desktop Windows 7



Windows 7 juga bakal memperkenalkan Paint dan WordPad yang diperkatakan prestasinya menggunakan rupa bentuk lebih kurang seperti Microsoft Office 2007 yang dikatakan menggunakan teknologi Ribbon.



Paint dan WordPad

Windows 7 yang mana menggunakan nama kod Blackcomb dan Vienna ketika di peringkat pembangunan masih menggunakan teknologi Aero dan diperkatakan sebagai Windows Vista yang lebih baik. Windows 7 memperkenalkan beberapa fungsi menarik di samping memperbaiki beberapa fungsi sedia ada seperti prestasi yang diperkatakan pada *processor multi-core*, masa *boot* yang lebih pantas, penambahbaikan kernel, dan sokongan *hard disk* maya. Windows 7 dikatakan mampu boot dalam jangka masa kurang daripada 15 saat sahaja.



Fungsi Thumbnail Pada Windows 7



Pelbagai perkara baru juga ditambah pada Control Panel seperti Accelerators, ClearType Text Tuner, Display Color Calibration Wizard, Gadgets, Infrared, Recovery, Troubleshooting, Workspaces Center, Credential Manager, Biometric Devices, System Icons, Windows Solution Center (Windows Security Center yang dinamakan semula), dan juga Display.

Hari demi hari, pelbagai info terkini mengenai Windows 7 diperkenalkan oleh pihak Microsoft sendiri, dan terbaru adalah mengenai masa *boot*nya. Windows 7 dikatakan mempunyai masa *boot* yang lebih pantas daripada Windows Vista, dan perkara ini dibuktikan sendiri oleh Microsoft

pada Windows Hardware Engineering Conference di Los Angeles.

Pada Windows 7, masa *loading* untuk segala aplikasi adalah selari, dan ia hanya memulakan aplikasi-aplikasi yang digunakan dan yang penting sahaja. Ini secara langsung mengurangkan masa *loading* serta mengurangkan penggunaan memori. Walau bagaimana pun, di makmal kajian Windows 7, Microsoft masih mengusahakan untuk membolehkan Windows 7 boleh dimulakan dalam masa 15 saat sahaja.

Windows 7 dijangka menemui para pengguna selewat-lewatnya pada awal tahun 2010, dan Windows 7 Beta 1 dijangka dikeluarkan pada awal tahun 2009.

Dipetik dari : <http://amanz.my/>

"The 50-50-90 rule: Anytime you have a 50-50 chance of getting something right, there's a 90% probability you'll get it wrong"

Design-Expert® 7.1, DoE at its best.

13, lorong seribatayu 2, taman seribatayu 2, tel: +60194774302 | fax: +6045595321 | mobile: +60194774302

Stat-Ease
STATISTICS MODELS